



SPUW-02-PELAKSANAAN PENGGUNAAN TELEFON IBA-REV1/2015

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT PELAJAR MRSM KUALA KLAWANG

Spesifikasi telefon bimbit yang dibenarkan untuk pelajar adalah seperti berikut:

- i. Hanya berfungsi untuk:
 - Membuat dan menerima panggilan
 - Menghantar dan menerima pesanan ringkas SMS
- ii. Telefon “*smartphone*” TIDAK dibenarkan
- iii. Telefon bimbit berkamera TIDAK dibenarkan

Waktu penggunaan telefon bimbit:

| Hari | Masa Penggunaan |
|---------------------|--|
| Isnin hingga Jumaat | 5:00 petang hingga 7:00 petang 10:30 malam hingga 11:30 malam |
| Sabtu | 1:00 tengahari hingga 11:30 malam |
| Ahad dan Cuti Umum | 7:00 pagi hingga 7:00 petang 10:30 malam hingga 11:30 malam |

Penggunaan telefon bimbit TIDAK DIBENARKAN :

- i. Sewaktu sesi akademik
- ii. Kelas persediaan
- iii. Waktu berasa di surau
- iv. Program rasmi maktab
- v. Sewaktu sesi “*rowcall*” berlangsung
- vi. Program kerohanian

Penetapan bayaran pendaftaran:

- i. Setiap pendaftaran akan diberikan “*sticker*”
- ii. Bayaran pendaftaran sebanyak RM 10 untuk setahun pengajian

Etika dan tertib penggunaan telefon bimbit:

- i. Pelajar hanya dibenarkan menggunakan telefon bimbit atas keperluan menghubungi ibu bapa, keluarga, guru atas tujuan yang positif serta hanya pada waktu dan lokasi yang telah ditetapkan sahaja.
- ii. Pelajar **DILARANG** menggunakan telefon bimbit bagi tujuan menjalin hubungan yang negatif seperti hubungan cinta, hubungan terlarang, sesuatu yang berunsurkan budaya kuning, menimbulkan ancaman, mencetuskan pergaduhan @ provokasi (sama ada melalui panggilan telefon atau sms).
- iii. Pelajar **DILARANG** menggunakan telefon bimbit sehingga menjejaskan prestasi akademik dan tumpuan pelajar lain di dalam kelas seperti mendengar lagu-lagu daripada telefon bimbit. Penggunaan “*earphone*” **DILARANG** sama sekali digunakan semasa kelas akademik berlangsung.
- iv. Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** mengecas telefon bimbit di dalam kelas semasa proses akademik dan kelas persediaan berlangsung. Pelajar **HANYA DIBENARKAN** mengecas telefon bimbit **di asrama sahaja**.
- v. Pelajar bertanggungjawab dalam menjaga telefon bimbit masing-masing semasa mengecas telefon bimbit.
- vi. Kehilangan dan kerosakan telefon bimbit pelajar adalah tanggungjawab pelajar sendiri. Pihak pengurusan maktab tidak akan bertanggungjawab di atas kerosakan dan kehilangan tersebut.

Tatacara penggunaan dan hukuman pelanggaran penggunaan:

- i. Telefon bimbit yang dirampas hendaklah dilabelkan nama, kelas, tarikh dan sebab dirampas.
- ii. Sekiranya didapati mana-mana pelajar melanggar peraturan telefon bimbit seperti perkara i, ii, iii dan iv tersebut, maka telefon bimbit tersebut akan dirampas oleh guru asrama, guru dan pihak pengurusan maktab.
- iii. Telefon bimbit yang dirampas akan dilelong pada akhir tahun.

PIHAK PENGURUSAN

MRSM KUALA KLAUANG